

**SEJARAH ADAT ISTIADAT PERKAHWINAN
KAUM DUSUN RANAU 1991-2016**



MOHD. SYARIZ BIN JOEMADI


UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2022**

**SEJARAH ADAT ISTIADAT PERKAHWINAN
KAUM DUSUN RANAU 1991-2016**

MOHD. SYARIZ BIN JOEMADI

**LATIHAN ILMIAH INI DIKEMUKAKAN UNTUK
MEMENUHI SYARAT MEMPEROLEH IJAZAH
SARJANA MUDA SAINS SOSIAL DENGAN
KEPUJIAN DALAM BIDANG SEJARAH**



UNIVERSITI MALAYSIA SABAH



**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN
2022**

PENGESAHAN

JUDUL : **SEJARAH ADAT ISTIADAT PERKAHWINAN KAUM DUSUN RANAU 1991-2016**

IJAZAH : **SARJANA MUDA SAINS SOSIAL DENGAN KEPUJIAN**

BIDANG : **SEJARAH**

Saya **MOHD. SYARIZ BIN JOEMADI** sesi **2021-2022** mengaku dan membenarkan Latihan Ilmiah ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Latihan Ilmiah ini adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Latihan Ilmiah ini sebagai pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/) :

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

/


TIDAK TERHAD

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Disahkan Oleh,

- Syariz -

MOHD. SYARIZ BIN JOEMADI
BA19110073


(PROFESOR MADYA DR. BILCHER BALA)
PENYELIA

PENGAKUAN

Saya mengaku bahawa Latihan Ilmiah yang bertajuk Sejarah Adat Istiadat Perkahwinan Kaum Dusun Ranau 1991-2016 ini merupakan hasil usaha dan kerja saya sendiri, melainkan petikan, ringkasan yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

12 OGOS 2022

- Syariz -

MOHD. SYARIZ
BIN JOEMADI
BA19110073



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGHARGAAN

Salam Sejahtera dan lafaz syukur ke hadirat Tuhan yang maha berkuasa kerana telah menganugerahkan kekuatan fizikal dan mental kepada saya untuk menyiapkan kajian dan penulisan ini. Pada kesempatan ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak-pihak yang telah memberi sokongan dan kerjasama.

Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada penyelia saya iaitu Profesor Madya Dr. Bilcher Bala atas usaha beliau dalam membantu melakukan penyeliaan dan pengajaran kepada saya sepanjang tempoh menyiapkan latihan ilmiah yang bertajuk sejarah adat istiadat perkahwinan kaum Dusun di Ranau 1991-2016. Kerjasama beliau dalam membantu saya melaksanakan latihan ilmiah ini amat saya hargai dan sangat berterima kasih ke atas segala usaha beliau. Segala pengorbanan beliau dari segi masa, tunjuk ajar, bimbingan, nasihat beliau akan saya kotakan dalam kehidupan saya agar ianya menjadi tauladan dan pengalaman sepanjang penyeliaan di bawah beliau.

Dengan penuh rasa berterima kasih juga saya ingin ucapkan kepada ibu, kakak dan abang saya yang telah bertungkus lumus dalam memberikan sokongan dari segi dorongan, nasihat dan kewangan sepanjang saya menyiapkan penulisan tesis ini. Begitu juga dengan saudara mara yang sangat membantu saya dalam melakukan kajian lebih-lebih lagi dalam keadaan situasi pandemik yang telah berlaku. Tidak dilupakan juga dengan rakan-rakan seperjuangan saya iaitu Nurhidah, Matius, Aqil dan Noratika di atas segala perkongsian ilmu dan dorongan nasihat yang berguna sepanjang menyiapkan tesis ini. Akhir kata, dengan adanya kajian ini diharapkan agar boleh dijadikan sebagai rujukan akan datang dalam membantu para pelajar yang membuat tajuk kajian yang berkaitan dengan kajian ini.

MOHD. SYARIZ BIN JOEMADI

12 OGOS 2022

ABSTRAK

Adat perkahwinan merupakan salah satu amalan yang ada diamalkan oleh seluruh kaum masyarakat di dunia. Setiap kaum mempunyai ciri dan cara pelaksanaan adat istiadat mereka yang tersendiri. Pelaksanaan adat istiadat perkahwinan ini lazimnya berhubungkait dengan kepercayaan dan cara hidup tradisional mereka. Kajian ini adalah berkenaan dengan sejarah adat istiadat perkahwinan kaum Dusun Ranau. Terdapat dua tujuan utama dalam melakukan kajian ini. Pertama adalah untuk mengetahui corak pelaksanaan adat istiadat perkahwinan kaum Dusun tradisional serta perubahan yang berlaku terhadap ciri dan cara pelaksanaan adat tersebut. Kedua, memahami faktor-faktor berlakunya perubahan terhadap ciri dan cara pelaksanaan adat istiadat perkahwinan kaum Dusun tersebut. Dalam menyiapkan kajian ini, terdapat beberapa kaedah yang telah digunakan oleh pengkaji seperti kaedah temubual menggunakan borang temu bual berbentuk *google form*. Bagi data sekunder pula, ia diperolehi melalui kajian perpustakaan. Kajian ini telah mendapati bahawa wujudnya keunikan dalam adat istiadat perkahwinan kaum Dusun tradisional namun telah berubah seiring berjalannya waktu. Terdapat tiga faktor umum yang telah mendorong berlakunya perubahan dalam adat istiadat perkahwinan tersebut seperti pengaruh agama, kahwin campur (agama dan kaum) dan perubahan cara hidup semasa.

Kata Kunci: Adat perkahwinan tradisional, perubahan, faktor perubahan



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

ABSTRACT

HISTORY OF THE DUSUN RANAU WEDDING CUSTOMS 1991-2016

The custom of marriage is one of the practices that practiced by the people in the world. Each race has its own characteristics and ways of performing customs. The implementation of these wedding customs is usually related to their traditional beliefs and way of life. This study is related to the history of the marriage customs of the Dusun Ranau people. There are two main purposes in conducting this study. The first is to know the pattern of implementation of the traditional Dusun marriage customs as well as the changes that occur to the characteristics and ways of implementing the custom. Second, understanding the factors of change there are features and ways of performing the marriage customs of the Dusun people. In completing this study, there are several methods used by the researchers such as the interview method using the interview form in the form of google form. As for the secondary data, it is obtained through library studies. This study has found that there is a uniqueness in the traditional Dusun marriage customs but has changed with time. There are three common factors that have driven the change in the customs of the marriage such as the influence of religion, intermarriage (religion and race) and the change in the current way of life.

Keywords: *Traditional wedding customs, changes, factor*



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

KANDUNGAN

	HALAMAN
TAJUK	
PENGAKUAN	ii
PENGENSAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
<i>ABSTRACT</i>	vi
SENARAI KANDUNGAN	vii-x
SENARAI PETA	xi
SENARAI SINGKATAN	xii
SENARAI LAMPIRAN	xiii
BAB 1: PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Permasalahan Kajian	1-3
1.3 Objektif Kajian	3
1.4 Sorotan Literatur	3-6
1.5 Kepentingan Kajian	6-7
1.6 Skop Kajian	7-8
1.7 Metodologi Kajian	8-9
1.8 Pembahagian Bab	9-10
1.9 Kesimpulan	11
BAB 2: ADAT ISTIADAT PERKAHWINAN KAUM DUSUN TRADISIONAL	
2.1 Pengenalan	12
2.2 Sejarah Kaum Dusun di Ranau	12-14

2.3	Latar Belakang Kawasan Kajian	14-17
2.4	Perbezaan antara Kawasan yang dipilih dengan Kawasan lain	17-20
2.5	Persoalan Mengenai Kadazandusun dan Dusun	20-22
2.6	Adat Istiadat Perkahwinan Kaum Dusun Tradisional	22-24
	2.6.1 Adat Merisik (<i>Moi Mongudio</i>)	24-25
	2.6.2 Adat Meminang (<i>Momuhabo</i>)	25-26
	2.6.3 Adat Bertunang (<i>Sahakoi</i> atau <i>miabo</i>)	26-27
	2.6.4 Adat Menjemput Pengantin Perempuan (<i>Mongoi Panau</i>)	27-29
	2.6.5 Adat Suap Menyupap (<i>Miohon Pinisi</i>)	29-30
	2.6.6 Adat Bersanding (<i>Miaya Wagu</i>)	30
	2.6.7 Adat Kenduri Kahwin (<i>Makan Belanja</i>)	30-31
2.7	Sistem Berian (<i>Napong</i>)	31-32
2.8	Pakaian Semasa Perkahwinan	32-33
2.9	Pantang Larang Dalam Perkahwinan	33-35
2.10	Kesimpulan	35
 BAB 3: PERUBAHAN ADAT ISTIADAT PERKAHWINAN KAUM DUSUN RANAU		
3.1	Pengenalan	36
3.2	Masyarakat Ranau	36-38
3.3	Kaum Dusun Ranau	38-39
3.4	Perubahan Adat Istiadat Perkahwinan Kaum Dusun Ranau	39
	3.4.1 Adat Merisik	39-41
	3.4.2 Adat Meminang	42-43
	3.4.3 Adat Bertunang	43-48

3.4.4	Adat Menjemput Pengantin Perempuan	48-49
3.4.5	Adat Suap Menyupap	49-51
3.4.6	Adat Bersanding	51-52
3.4.7	Adat Kenduri Kahwin	52-53
3.5	Sistem Berian	53-54
3.6	Pakaian Semasa Perkahwinan	54-56
3.7	Pantang Larang Dalam Perkahwinan	56-57
3.8	Kesimpulan	57-58

**BAB 4: FAKTOR PERUBAHAN ADAT ISTIADAT KAUM
DUSUN RANAU**

4.1	Pengenalan	59
4.2	Kehidupan Sosial Masyarakat Tradisional Dusun Ranau	59-60
4.3	Agama Tradisional Kaum Dusun	60-62
4.4	Pengaruh Agama	62
4.4.1	Sejarah Penyebaran Agama Islam di Daerah Ranau	62-64
4.4.2	Ajaran Dalam Agama Islam	64-66
4.4.3	Pengaruh Ajaran Agama Islam Dalam Amalan Perkahwinan	66-68
4.5	Perkahwinan Campur Antara Agama	68
4.5.1	Kaum Dusun Islam-Dusun Pagan	68-69
4.5.2	Kaum Dusun Islam-Dusun Kristian	69-70
4.6	Perkahwinan Campur Antara Kaum	70-71
4.6.1	Perkahwinan Campur Dusun-Cina (<i>Sino</i>)	71-74
4.7	Perubahan Cara Hidup Semasa	74-75
4.7.1	Pekerjaan	75-78

4.7.2	Tempat Tinggal	78-80
4.7.3	Material	80-82
4.8	Kesimpulan	82-83
BAB 5:	RUMUSAN	84-89
RUJUKAN		90-97



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI PETA

	HALAMAN
Peta 2.3.1: Peta Daerah Ranau	15
Peta 2.3.2: Kedudukan Kawasan Kajian di Daerah Ranau, Sabah.	17
Peta 2.4.1: Kawasan Bahasa Kadazandusun	18



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI SINGKATAN

KG.	KAMPUNG
RC	ROMAN CATOLIC
SDA	SEVENTH DAY ADVENTIST
SIB	SIDANG INJIL BORNEO
UNDO	UNITED NATIONAL DUSUN ORGANIZATION
UNKO	UNITED NATIONAL KADAZAN ORGANIZATION
UNPNO	UNITED NATIONAL PASOK-MOMOGUN ORGANIZATION
UPKO	UNITED PASOK-MOMOGUN KADAZAN ORGANIZATION



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI LAMPIRAN

	HALAMAN
LAMPIRAN A: Gambar Rangka Borang Temu Bual Berbentuk <i>Google Form</i>	88
LAMPIRAN B: Gambar Contoh Hasil Dapatan Data Melalui Borang Temu Bual <i>Google Form</i>	89
LAMPIRAN C: Gambar Responden Temu Bual	90



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Masyarakat Dusun merupakan salah satu kaum Kadazandusun di negeri Sabah. Kaum Dusun mempunyai cara pelaksanaan adat istiadat yang tersendiri. Bermula daripada adat perkahwinan, kelahiran, mahupun kematian. Bagi kelompok Dusun Ranau pula, mereka mempunyai ciri yang tersendiri dalam melaksanakan adat istiadat, terutamanya ciri asli yang wujud sebelum pertengahan abad ke-19. Kajian ini akan memberi fokus kepada sejarah adat istiadat perkahwinan kaum Dusun Ranau. Terdapat pelbagai aspek keunikan adat istiadat perkahwinan kaum Dusun Ranau yang mengalami perubahan dan hakisan bermula pada tahun 1950 sehingga 2016. Salah satu faktor penyebabnya ialah kemasukan agama atau kepercayaan baru yang menggantikan kepercayaan tradisional mereka. Hal ini disebabkan kaum Dusun perlu menyesuaikan amalan adat istiadat mereka dengan ajaran agama baru tersebut. Dengan adanya perubahan yang berlaku terhadap adat istiadat perkahwinan kaum Dusun Ranau ini telah meninggalkan kesan terhadap corak kehidupan sosial masyarakat mereka. Hal ini sangat jelas terlihat pada gaya hidup generasi baru, sama ada golongan belia mahupun golongan dewasa. Bab ini akan membincangkan beberapa perkara asas yang membentuk format standard untuk Latihan Ilmiah.

1.2 Permasalahan Kajian

Permasalahan kajian yang pertama ialah, ciri dan pelaksanaan adat istiadat perkahwinan kaum Dusun tradisional. Pengenalan terhadap adat istiadat perkahwinan kaum Dusun tradisional ini penting untuk diketahui dan disampaikan kepada generasi yang akan datang agar mereka mengetahui adat istiadat kaum Dusun yang asli pada zaman dahulu. Berdasarkan bahan rujukan berkaitan dengan

adat istiadat perkahwinan kaum Dusun, terdapat beberapa ciri dan pelaksanaannya yang berbeza diantara bahan rujukan yang lain. Begitu juga dengan apa yang telah diceritakan oleh orang Dusun itu sendiri pada masa kini. Melihat kepada keadaan tersebut, apakah ciri dan pelaksanaan adat istiadat kaum Dusun tradisional?

Permasalahan kajian yang kedua ialah, perubahan ciri dan pelaksanaan adat istiadat perkahwinan kaum Dusun Ranau. Secara umumnya, kaum Dusun Ranau mempunyai ciri yang tersendiri dalam melaksanakan adat istiadat mereka lebih-lebih lagi dari aspek pelaksanaan adat perkahwinannya. Adat istiadat kaum Dusun Ranau sebelum tahun 1991 bukan sahaja memiliki keunikan yang tersendiri tetapi bersifat asli. Kaum Dusun tradisional sangat mempercayai kewujudan sang pencipta iaitu *kinorohingan*. Dengan itu, pelaksanaan adat istiadat mereka lazimnya melibatkan seorang ketua agama atau *bobolian*.¹ Dari segi adat perkahwinan, mereka mempunyai cara pelaksanaan yang berunsur primitif. Antaranya adalah, pelaksanaan upacara pembacaan mantera kuno dalam bahasa Dusun tradisional atau *rinait* yang akan dilakukan oleh *bobolian* semasa upacara perkahwinan. Selain itu, terdapat juga pelaksanaan adat yang melibatkan mimpi selepas upacara meminang.² Apabila pihak keluarga perempuan mengalami mimpi yang buruk setelah menerima cincin warisan daripada keluarga pihak lelaki, maka perkahwinan diantara mereka tidak boleh diteruskan. Melihat kepada adat istiadat perkahwinan kaum Dusun tradisional ini, adakah pelaksanaan adat istiadat kaum Dusun tradisional mengalami perubahan dalam kelompok masyarakat Dusun Ranau?

Permasalahan kajian yang ketiga adalah, faktor berlakunya perubahan terhadap ciri dan pelaksanaan adat istiadat perkahwinan kaum Dusun Ranau. Seiring berjalannya waktu, ciri adat istiadat perkahwinan kaum Dusun Ranau telah mengalami perubahan selepas tahun 1991. Perubahan tersebut telah dipengaruhi oleh beberapa faktor seperti agama, budaya lain dan gaya hidup semasa. Perubahan

¹ Norsuhaila Sulaiman & Asmiaty Amat., Analisis Kepercayaan Etnik Kadazandusun Sabah dalam Antologi Tangon, *Melayu: Journal Antarabangsa Dunia Melayu*, 2019, vol. 12, no. 1, hlm. 99.

² Panel Penulis., *Adat Resam dan Pantang Larang Suku Kaum di Sabah*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 2013, hlm. 33.

tersebut tidak berlaku secara serentak di seluruh kawasan Ranau namun perubahan tersebut jelas berlaku seiring berjalannya waktu. Dalam adat istiadat perkahwinan kaum Dusun Ranau, perubahan tersebut telah berlaku sedikit demi sedikit bermula daripada ciri pelaksanaan adat sehingga cara pemakaian pengantin. Terdapat juga beberapa ciri adat istiadat yang tidak dilaksanakan lagi kerana sudah tidak sesuai untuk diteruskan. Melihat hal tersebut, apakah faktor yang menyebabkan perubahan terhadap adat istiadat perkahwinan kaum Dusun Ranau?

1.3 Objektif Kajian

Latihan ilmiah ini mempunyai tiga objektif kajian yang dapat memberi gambaran tentang fokus penyelidikan yang bakal dijalankan. Objektif kajian yang pertama adalah menerangkan adat istiadat perkahwinan kaum Dusun tradisional di Ranau. Terdapat beberapa ciri dan pelaksanaan adat istiadat perkahwinan kaum Dusun tradisional Ranau yang bersifat asli. Segala proses pelaksanaan adat istiadat perkahwinan kaum Dusun tradisional akan dinyatakan bermula daripada adat sebelum berkahwin sehinggalah selepas berkahwin.

Objektif kajian yang kedua adalah menganalisis perubahan yang berlaku terhadap adat istiadat perkahwinan kaum Dusun Ranau. Perubahan yang berlaku terhadap adat perkahwinan dapat dilihat melalui ciri dan pelaksanaannya. Terdapat beberapa perubahan adat perkahwinan yang berlaku secara cepat bahkan ada yang tidak lagi dilaksanakan seiring berjalannya waktu. Objektif yang ketiga adalah mengenalpasti faktor yang menyebabkan perubahan terhadap ciri adat perkahwinan kaum Dusun Ranau. Segala perubahan terhadap adat istiadat perkahwinan kaum Dusun Ranau disebabkan oleh beberapa faktor seperti pengaruh agama, perkahwinan campur, dan kesesuaian kehidupan semasa masyarakat.

1.4 Sorotan Literatur

Sorotan literatur kajian ini bertujuan, meninjau hasil kajian sedia ada berkaitan

dengan sejarah adat istiadat kaum Dusun supaya menjadi rujukan utama dan panduan dalam menyempurnakan kajian Latihan Ilmiah ini. Merujuk kepada hasil penulisan Minah Sintian dalam kajiannya yang bertajuk "Perkahwinan Etnik Kadazandusun Tradisional Satu Perjalanan Adat" (2015)³ membincangkan tentang sejarah adat istiadat perkahwinan kaum Kadazandusun tradisional di Sabah secara umumnya. Beliau memusatkan kajiannya tentang proses pelaksanaan adat istiadat perkahwinan kaum Kadazandusun sebelum dan semasa perkahwinan berlangsung iaitu *mongoi panau* dan *miohon pinisi*.⁴ Melihat pada kajian beliau ini, ianya sangat menarik untuk dilakukan pembacaan namun kekurangan beberapa aspek-aspek lain yang terlibat dalam proses perkahwinan kaum Dusun. Namun begitu, kajian ini dapat memberikan beberapa pendedahan terhadap cara pelaksanaan adat istiadat kaum Kadazandusun tradisional di Sabah kepada golongan ramai. Dengan itu, kajian ini juga dapat membantu penulis dalam mendapatkan beberapa panduan dan pemahaman tambahan berkaitan kajian yang ingin dilakukan.

Selain daripada itu, terdapat sebuah penulisan yang telah dibuat oleh Jacqueline Pugh-Kitingan (2016) berkaitan dengan "Kadazandusun".⁵ Berdasarkan penulisan tersebut, ia menjelaskan secara menyeluruh berkenaan dengan sejarah dan adat resam kaum Kadazandusun di Sabah. Seperti yang dikatakan oleh beliau dimana kaum Dusun ini sebenarnya berasal daripada satu keturunan yang sama, tidak hairanlah jika masyarakat Dusun di Sabah ini memiliki ciri persamaan dalam pelaksanaan adat resam mereka. Dengan itu, pelaksanaan adat istiadat perkahwinan kaum Dusun Ranau ini tidak jauh bezanya dengan adat istiadat yang dinyatakan oleh beliau di dalam penulisannya. Selain itu, penulisan yang dilakukan oleh Jacqueline Pugh-Kitingan ini juga menjelaskan tentang amalan adat resam masyarakat Dusun di Sabah melalui aspek sosial dan ekonomi. Dengan itu, kajian beliau ini dapat membantu penulis dalam mendapatkan sumber-sumber tambahan yang boleh

³ Minah Sintian & Tanjong Malim., *Perkahwinan Etnik Kadazandusun Tradisional Satu Perjalanan Adat*, Conference: SEMINAR FOLKLOR NUSANTARA: Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negeri Perlis, 2015.

⁴ *Ibid.*, hlm. 5.

⁵ Jacqueline Pugh-Kitingan., *Kadazandusun*, Institut Terjemahan & Buku Malaysia, Kuala Lumpur, 2016.

diambil serta digunakan dalam menjalankan kajian ilmiah ini.

Seterusnya, penulisan daripada Winnah Lela Aloicius dalam kajiannya yang bertajuk "Pelaksanaan Adat Perkahwinan Tradisional Masyarakat Dusun di Kampung Timbua Ranau Sabah" (2018)⁶ membincangkan tentang tahap pelaksanaan adat istiadat Dusun ini. Penulisan beliau ini merupakan sebuah penulisan yang hampir sama dengan kajian yang dilakukan oleh penulis. Namun begitu, skop dan kawasannya berbeza dengan skop yang hendak dilakukan oleh penulis. Dalam penulisan beliau ini juga, ia tidak menyatakan tentang perbandingan atau perubahan yang berlaku terhadap adat istiadat kaum Dusun Ranau. Malah lebih menjurus kepada faktor kurangnya pelaksanaan adat istiadat perkahwinan kaum Dusun di Kampung Timbua Ranau. Namun begitu, penulisan beliau ini dapat memberikan penerangan dan idea yang baik mengenai tajuk yang bakal dikaji oleh pengkaji. Sebagai contoh, kajian tersebut menyatakan beberapa faktor penyebab kekurangan pelaksanaan adat istiadat perkahwinan kaum Dusun di kawasan tersebut. Dengan itu, kajian ini dapat membantu penulis dalam memahami serta mendapatkan idea-idea tambahan berkenaan dengan proses hakisan yang berlaku terhadap adat istiadat perkahwinan kaum Dusun Ranau.

Terdapat sebuah penulisan yang telah dihasilkan oleh lima orang penulis iaitu Eko Prayitno Joko, Baszley Bee Basrah Bee, Sabibah Osman dan Saat Awg Damit dengan tajuk "Pengislaman Dalam Kalangan Dusun Ranau 1940-1976" (2016)⁷ yang sangat-sangat membantu dalam menjalankan kajian ini. Berdasarkan tajuk penulisan tersebut, ianya sangat sesuai untuk dirujuk kerana faktor utama penghakisan adat istiadat perkahwinan kaum Dusun Ranau adalah kemunculan agama baru. Secara umumnya, penulisan ini membincangkan tentang sejarah kedatangan Islam dalam kalangan kaum Dusun Ranau dan perkembangannya sepanjang tahun 1940 hingga 1976. Dalam penulisan ini juga, para penulis turut membincangkan beberapa faktor

⁶ Winnah Lela Aloicius., Pelaksanaan Adat Perkahwinan Tradisional Masyarakat Dusun di Kampung Timbua Ranau, *Latihan Ilmiah*, Universiti Malaysia Sarawak, 2016.

⁷ Eko Prayitno Joko, Baszley Bee Basrah Bee, Sabibah Osman & Saat Awg Damit., *Pengislaman Dalam Kalangan Dusun Ranau 1940-1976*, Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad, Kuala Lumpur, 2016.

dan fasa penyebaran agama islam di kalangan kaum Dusun Ranau. Selain itu, penulisan ini juga menceritakan tentang aktiviti sosial kaum Dusun sebelum dan setelah kedatangan Islam di kalangan kaum Dusun Ranau. Dengan itu, penulisan ini sangat-sangat membantu penulis untuk mendapatkan beberapa data-data penting untuk dianalisis.

Akhir sekali, dalam kajian Haminuddin Bin Udin yang bertajuk "Masyarakat Kadazandusun di daerah Ranau: Kajian Identiti dan Interaksi antara Agama" (1991)⁸ ini juga dapat membantu pengkaji dalam menjalankan kajian. Hal ini kerana, kawasan utama perbincangan kajian beliau ini sama dengan kajian yang hendak dilakukan oleh penulis. Meskipun kawasan kajian beliau sama dengan kawasan kajian penulis, objektif dan dapatan kajian bagi kedua-dua kajian adalah berbeza. Dalam kajian ini, beliau membincangkan tentang identiti kaum Kadazandusun Ranau dan interaksi agama yang berlaku di Kawasan tersebut. Beliau memiih empat Kawasan kajian iaitu Kg. Lingkudou, Kg. Bundu Tuhan, Kg. Ilimbaan dan kawasan pekan Ranau. Dalam kajian ini, beliau juga ada membincangkan tentang perubahan yang berlaku terhadap kehidupan kaum Dusun di Ranau. Dengan itu, ia dapat membantu penulis untuk mendapatkan idea dan data tertentu bagi mencapai objektif kajian yang kedua iaitu faktor hakisana adat istiadat kaum Dusun Ranau. Dalam kajian beliau ini, ianya juga menceritakan sedikit latar belakang tentang kaum Dusun seperti, legenda asal usul, perbincangan mengenai istilah Kadazan dan Dusun, kepercayaan, dan sebagainya. Dengan itu, kajian ini dapat membantu penulis dalam melakukan deretan serta rangka kajian yang hendak dilakukan dengan lebih baik.

1.5 Kepentingan Kajian

Kajian ini mempunyai beberapa kepentingan yang sememangnya baik untuk dilaksanakan agar sejarah berkaitan dengan perubahan adat istiadat kaum Dusun Ranau ini dapat diketahui serta difahami dengan lebih lanjut oleh golongan ramai. Dalam memahami sejarah perubahan yang berlaku terhadap adat istiadat kaum

⁸ Haminuddin Bin Udin., Masyarakat Kadazandusun di Daerah Ranau: Kajian Identiti dan Interaksi antara Agama, *Latihan Ilmiah*, Universiti Malaya, 1992.

Dusun Ranau ianya dapat mewujudkan kesedaran bahawa pengamalan adat istiadat kaum Dusun Ranau seperti perkahwinan semakin dilupakan.

Kepentingan kajian ini yang pertama adalah dapat melakukan perbincangan tentang beberapa aspek seni dan kebudayaan yang diamalkan oleh masyarakat Dusun Ranau. Dorongan untuk melakukan kajian ini adalah disebabkan oleh kesedaran bagi pengkaji terhadap amalan adat istiadat perkahwinan kaum Dusun semakin dilupakan oleh generasi muda pada masa kini. Hal ini disebabkan oleh pertembungan agama dan penyerapan budaya asing ke dalam kehidupan masyarakat Dusun Ranau. Dengan adanya kajian ini, diharapkan agar ianya dapat dijadikan sebagai sebuah rujukan serta informasi tambahan berkenaan dengan adat istiadat perkahwinan kaum Dusun Ranau.

Selain itu, kajian ini juga dilakukan untuk memperbanyakkan lagi kajian atau perbincangan mengenai adat istiadat kaum Dusun Ranau yang dianggap penting bagi orang ramai khususnya kepada penuntut Institut Pengajian Tinggi (IPT) yang ingin melakukan penyelidikan lebih lanjut. Seterusnya, kajian ini juga bertujuan untuk memberi pengetahuan serta kesedaran kepada generasi muda masyarakat Dusun Ranau akan keunikan dan kepentingan amalan adat istiadat ini. Akhir sekali, kajian ini juga dapat menyatakan serta membuktikan akan kewujudan adat istiadat perkahwinan kaum Dusun Ranau yang unik dan baik untuk diingat daripada lupus ditelan zaman. Dengan adanya pengetahuan terhadap adat istiadat perkahwinan kaum Dusun ini, diharapkan agar ianya dapat memberikan kesedaran kepada golongan masyarakat untuk mengingati dan terus menjaganya.

1.6 Skop Kajian

Kajian ini secara keseluruhannya membincangkan tentang perubahan adat istiadat perkahwinan kaum Dusun Ranau. Pengkaji menetapkan skop tahun kajian ini dari tahun 1991 sehingga 2016. Hal ini kerana, pengkaji melihat adanya beberapa perubahan yang berlaku terhadap adat istiadat perkahwinan kaum Dusun Ranau sepanjang tempoh tersebut. Selain itu, kawasan daerah Ranau dijadikan sebagai

kawasan kajian kerana minat dan keinginan untuk melaksanakan kajian ini di kawasan tersebut. Dalam melihat perubahan yang berlaku terhadap adat istiadat perkahwinan kaum Dusun Ranau ini, pengkaji telah memilih beberapa perkampungan khusus yang dapat menyimpulkan kaum Dusun Ranau. Pengamalan adat istiadat perkahwinan kaum Dusun Ranau dengan kaum Dusun di kawasan lain mempunyai perbezaan dan keunikannya yang tersendiri. Sebagai tambahan, penduduk majoriti di kawasan Ranau didiami oleh kaum Dusun yang mempunyai identiti yang sama dari segi sosial, ekonomi, kebudayaan, dan agama. Dengan itu, ia mendorong pengkaji untuk meneruskan pelaksanaan kajian ini kerana memudahkan proses analisis data.

1.7 Metodologi Kajian

Kajian ini akan menggunakan beberapa kaedah kajian yang dianggap bersesuaian, iaitu penyelidikan kepustakaan, penyelidikan internet dan temubual. Kaedah ini amat penting untuk digunakan kerana dapat membantu pengkaji dalam mendapatkan sumber bahan kajian.

Kaedah penyelidikan kepustakaan bertujuan mencari maklumat berkaitan dengan adat istiadat perkahwinan kaum Dusun Ranau melalui sumber sekunder. Sebarang kajian atau penulisan awal yang berkaitan dengan adat istiadat kaum Dusun Ranau akan dijadikan sebagai rujukan kepada penulis. Antara perpustakaan yang menjadi sumber rujukan pengkaji adalah Perpustakaan Negeri Sabah, Perpustakaan Yayasan Sabah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dan Perpustakaan Ranau.

Penyelidikan internet juga turut digunakan dalam menjalankan kajian ini. Disebabkan oleh kekangan keadaan semasa yang berlaku, rujukan bahan daripada internet merupakan rujukan yang sangat mudah dan selamat untuk dicapai oleh pengkaji. Segala sumber artikel dan jurnal daripada internet yang berkaitan dapat dianalisis oleh pengkaji dalam mendapatkan data-data tambahan yang berkaitan dengan tajuk kajian. Dengan itu, penyelidikan internet juga merupakan metodologi

kajian yang akan dilakukan dalam menjalankan kajian ini.

Akhir sekali, kajian ini menggunakan kaedah temubual berkaitan dengan sejarah serta perubahan adat istiadat perkahwinan kaum Dusun Ranau. Metodologi kajian ini merupakan suatu kaedah kualitatif iaitu memubual beberapa informan di kawasan Ranau. Kaedah ini digunakan oleh pengkaji untuk memastikan perkara yang kurang jelas berkenaan dengan tajuk kajian dapat disimpulkan menjadi sebuah pernyataan yang kuat. Selain itu, kaedah kajian ini juga dapat mengetahui pendapat responden masing-masing berkenaan dengan perubahan adat istiadat perkahwinan kaum Dusun Ranau yang boleh dijadikan sebagai maklumat tambahan dalam kajian ini. Kaedah ini sangat sesuai untuk digunakan kerana objektif kajian yang dilakukan merupakan sebuah penelitian terhadap perubahan bentuk sebuah kelompok sosial iaitu kaum Dusun Ranau. Meskipun terdapat kekangan dalam melakukan kaedah temu bual ini secara bersemuka, terdapat alternatif lain bagi melakukannya iaitu dengan berhubung melalui dalam talian dan menggunakan borang temu bual daripada *google form*.

1.8 Pembahagian Bab

Kajian ini berkaitan dengan perubahan adat istiadat perkahwinan kaum Dusun Ranau dan faktor-faktor berlakunya perubahan tersebut. Dalam kajian ini, ia dibahagikan kepada lima bab yang menerangkan secara terperinci tentang hasil kajian yang akan dilakukan. Setiap bahagian bab mengandungi topik utama dan sub-topik berdasarkan objektif kajian yang telah dinyatakan sebelum ini.

Bab Satu merupakan pendahuluan kepada kajian ini. Bab ini merupakan rangka atau panduan dalam menjalankan kajian ini. Aspek-aspek yang terkandung dalam bab ini adalah pendahuluan, permasalahan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, skop kajian, metodologi kajian, pembahagian bab dan kesimpulan. Selain itu, dalam bab ini juga akan membincangkan secara ringkas berkenaan dengan buku-buku yang telah dijadikan sebagai sorotan literatur bagi membantu pengkaji dalam membuat rangka kajian. Dalam masa yang sama, bab ini juga akan memberikan

gambaran awal kepada para pembaca untuk memahami kajian dan kemudiannya dapat mendorong pembentukan idea serta cadangan dalam membuat kajian bagi penyelidikan yang akan datang.

Bab Dua membincangkan tentang latar belakang kawasan kajian terlebih dahulu. Dalam bahagian ini, pengkaji akan menerangkan secara lebih terperinci berkenaan dengan kawasan kajian yang dipilih. Selain itu, terdapat beberapa perbincangan lain yang turut dilakukan dalam bahagian ini. Antaranya adalah, perbezaan antara kawasan yang dipilih dengan kawasan lain, persoalan mengenai gelaran Kadazandusun atau Dusun dan pandangan masyarakat Ranau berkenaan dengan gelaran Dusun. Setelah itu, akan masuk kepada bahagian pengenalan adat istiadat perkahwinan kaum Dusun tradisional Ranau. Antara deretan pelaksanaan adat tersebut adalah seperti, adat merisik, adat meminang, adat pertunangan dan adat semasa majlis perkahwinan. Terdapat juga beberapa ciri yang terlibat seperti, pakaian semasa perkahwinan dan pantang larang dalam adat istiadat perkahwinan kaum Dusun Ranau.

Bab Tiga membincangkan tentang perubahan yang berlaku terhadap adat istiadat Perkahwinan kaum Dusun di Ranau. Perubahan tersebut boleh dilihat melalui ciri dan pelaksanaan adat istiadat perkahwinan kaum Dusun Ranau. Dalam bahagian ini, pengenalan terhadap kaum Dusun Ranau akan dilakukan terlebih dahulu. Setelah itu, perubahan adat perkahwinan akan dilakukan bermula daripada adat merisik, adat meminang, adat pertunangan dan adat semasa majlis perkahwinan. Seterusnya, akan masuk perbincangan berkenaan dengan perubahan terhadap pakaian semasa perkahwinan dan pantang larang dalam adat istiadat perkahwinan kaum Dusun Ranau.

Bab Empat membincangkan tentang faktor berlakunya hakisan terhadap adat istiadat perkahwinan kaum Dusun Ranau. Terdapat tiga faktor utama yang telah mempengaruhi perubahan adat istiadat perkahwinan kaum Dusun Ranau. Antaranya adalah, pengaruh agama baru, perkahwinan campur dan perubahan corak kehidupan semasa masyarakat. Dalam bahagian faktor pengaruh agama, pengenalan terhadap kepercayaan agama tradisional kaum Dusun akan dibincangkan terlebih dahulu dan